

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 11 OGOS 2019

MUKA SURAT: 15



Kawasan pencarian Nora Anne dikecilkan

Seremban: Kawasan pencarian remaja warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, dikecilkan kepada 4 kilometer (km) radius dari lokasi kejadian semalam, berbanding 6km radius kelmarin, dengan pasukan petugas pelbagai agensi ditingkatkan kepada 317 berbanding 261, kata Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Mohamad Mat Yusop.

11-08-2019

setempat 15

METRO AHAD

AHLI keluarga Nora Anne (terendahnya) terima kasih kepada perjumpaan terbantu bersama anggota pasukan SAR di hutan gerakan.



ZAHIR RASA

Seremban

Orang Asli bantu guna kaedah ritual

Penduduk Orang Asli di sekitar lokasi kehilangan remaja warga Ireland di Pantai di sini, merancang menggunakan kaedah ritual kepercayaan mereka dalam usaha membantu mengesan Nora Anne Quoirin, 15.

Tok Batin Kampung Kolam Air Pantai, Ali Ngogor berkata, ia bertujuan memohon remaja itu segera ditemui dalam keadaan selamat.

"Kalau boleh kami cuba

cara orang kami (Orang Asli). Kami hanya boleh ikhtiar kerana berjaya atau tidak, ia ketentuan tuhan.

"Ini (kaedah yang digunakan) rahsia. Kita belum buat lagi sebelum ini," katanya.

Ali berkata, penduduk Orang Asli di sekitar lokasi itu turut aktif menyertai operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) remaja itu sejak beberapa hari lalu namun tidak menemui petunjuk positif.

Kuala Lumpur

Tiga dron jejak waktu malam

Operasi pencarian remaja hilang di resort di Pantai, Seremban turut dibantu pasukan Akademi Dron dari Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS) Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kajang sejak Khamis lalu.

Ketua Akademi, Dr Mohd Zaliman Mohd Yusoff berkata, pihaknya menggunakan tiga dron iaitu Matrice 210, Mavic 2Pro dan Phantom 4v2 bagi mencari Nora Anne Quoirin, 15.

"Operasi pencarian menggunakan dron itu dikendalikan tiga individu pada waktu malam bermula jam 7 malam sehingga awal pagi.

"Penggunaan dron adalah inisiatif

menjejaki mangsa," katanya.

Beliau berkata, dron itu boleh memaparkan imej dalam radius dua kilometer.

"Pasukan kita sudah memeriksa kawasan seluas 5.2 hektar," katanya.



PASUKAN Akademi Dron ILSAS TNB bantu cari Nora Anne.

Ibu remaja luah penghargaan kepada anggota operasi SAR Nora Anne

banding individu normal. "Nora Anne banyak meluangkan masa di hospital. Ketika lahir, dia memerlukan pembedahan untuk membantunya bernafas.

"Nora memerlukan pemantauan pakar pendidikan khusus dan ditempatkan di sekolah kanak-kanak dan remaja yang mempunyai masalah berkomunikasi serta pembelajaran," katanya.

Kenyataan itu turut menyebut kebolehannya untuk berkomunikasi secara lisan terhad.

"Nora Anne membaca seperti kanak-kanak dan boleh menulis serta mempunyai daya ingatan yang baik walaupun tidak memahami secara konseptual," katanya.

Menurutnya, Nora Anne mampu mandi dan memakai pakaian sendiri, namun sukar memasang butang dan membasuh rambut.

"Nora Anne suka berjalan bersama keluarga namun menghadapi kesukaran untuk mengimbangkan badan. "Sebelum ini, dia pernah ke Asia serta Eropah dan tidak pernah terpisah dengan keluarga atau tersesat. Dia sensitif, malah sangat pemalu dan resah terhadap orang luar.

"Setiap malam dia akan meluangkan masa bersama ibunya sebelum tidur," katanya sambil menambah Nora teruja bercuti di Malaysia bersama keluarganya.

Sementara itu, ibu Nora

Anne muncul kali pertama di hadapan petugas yang terbabit dalam operasi dan menyelamatkan (SAR) anaknya menyuarakan penghargaan kepada semua agensi yang memberi komitmen penuh meskipun dalam suasana perayaan menyambut Aidil-adha.

Maebh Jaseprine Quoirin tampil bersama suaminya, Sebastian Marie Philippe pada jam 8.45 pagi semalam untuk berjumpa petugas dan menyampaikan ucapan penghargaannya.

Menerusi satu video berdurasi seminit lima saat yang dirakam anggota petugas, Maebh kelihatan begitu beremosi sambil ditenangkan suaminya.

Hasbi Sidek
mohd.hasbi@metro.com.my

Seremban

Ahli keluarga remaja warga Ireland yang hilang di resort di Pantai di sini, menyifatkan anak istimewa itu seorang yang menyeronokkan, lucu dan penyayang.

Keluarga itu menerusi Lucie Blackman Trust, perbadanan amal yang mengurangkan hal ehwal berkaitan media untuk keluarga Nora Anne Quoirin berkata, remaja berusia 15 tahun itu tidak seperti remaja lain dan tidak akan ke mana-mana bersendirian.

Katanya, Nora Anne menghidap *Holoprosencephaly* sejak lahir iaitu masalah saiz otak yang lebih kecil ber-